

Tanah bencah Setiu benteng terakhir kekal habitat gelam

Terengganu
warta
kawasan
sebagai Taman
Negeri pulihara
warisan alam



PROF EMERITUS
DR IBRAHIM KOMOO

Tanah bencah Setiu adalah ekosistem pesisir pantai yang paling unik di Pantai Timur, Semenanjung. Kepelbagaian geomorfologi, ekologi, biologi dan budaya menjadikan ia landskap warisan alam kebangsaan yang perlu dipulihara.

Syukur kerajaan Terengganu sudah mengambil langkah proaktif dengan mewartakan kawasan seluas 1,350 hektar itu sebagai Taman Negeri pertama pada awal tahun ini. Inisiatif ini dilihat sebagai permulaan kepada usaha memulihara warisan alam secara terintegrasi dan berwawasan.

Ekosistem tanah bencah Setiu jauh lebih luas daripada Taman Negeri Setiu yang diwartakan. Ia memabitkan kawasan yang panjangnya sekitar 25 kilometer (km) dan lebarnya mencapai 6km ke daratan. Sejak puluhan ribu tahun lalu, kawasan ini berada di laut Setiu, proses ombak sudah membentuk permatang pasir yang lebar dan panjang beberapa ratus meter di tengah lautan.

Proses ini berterusan, satu demi satu permatang pasir terbentuk me-



Kawasan tanah bencah gelam di Setiu yang **dibangunkan menjadi kawasan penempatan.**

lebarkan pesisiran pantai Setiu. Hari ini seluruh pembentukan permatang pasir (gong) dan lekukan di antaranya (mengabang) sudah menjadi daratan membentuk tanah bencah Setiu.

Sungai Setiu dan anaknya sudah menjadikan ekosistem tanah bencah ini unik daripada pelbagai aspek - keindahan landskap tanah bencah, kepelbagaian biologi dan sumber kehidupan. Sungai Setiu yang mengalir selari dengan pesisir pantai sepanjang lebih 25km dan hanya terbuka ke lautan di muara yang sempit menjadikan ekologi hilir Sungai Setiu sangat istimewa dan daya tarikan komuniti untuk meraih mata pencarian dan kehidupan.

Pelbagai habitat

Di ekosistem Tanah Bencah Setiu terdapat pelbagai habitat dan landskap indah dan jarang jumpa dan satu daripadanya ialah Tasik Berombak. Tasik yang panjangnya lebih 4km dan lebar sekitar 200 meter terletak hampir 5km dari pesisir pantai. Jika dilihat daripada bentuk morfologinya, tasik ini mungkin berasal daripada lagun yang terkepung oleh permatang pasir dan apabila pantai terus melebar ke lautan, ia menjadi tasik air tawar.

Saya dimaklumkan oleh Pak Hassan, seorang penduduk kam-

pung di sini mengenai betapa pentingnya Tasik Berombak kepada datuk nenek mereka dahulu. Ketika tiada jalan darat, tasik ini dijadikan sebagai sistem pengangkutan untuk bergerak dari kampung ke kampung. Di sini juga mereka menangkap ikan sebagai sumber makanan harian.

Mengapa agaknya diberi nama Tasik Berombak? Saya percaya biasanya tasik ini berkeadaan tenang, tetapi ketika musim tengkujuh dan angin bertiup kencang, tasik mulai berombak seakan ombak di tepi pantai agaknya.

Awal bulan ini, sekumpulan penyarah muda dan pelajar menjalankan ekspedisi saintifik Tasik Berombak. Kajian meliputi fauna dan flora yang hidup di pinggir tasik, hidupan dan ikan yang terdapat di dalam tasik, kualiti air dan integriti ekosistemnya.

Paling menarik bagi saya ialah sekumpulan pelajar tahun dua Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang baru sahaja belajar menyelidik menjelaskan usaha mereka untuk mengupas misteri Tasik Berombak ini. Berdasarkan pembentangan hasil awalan, saya yakin mereka bakal menjadi penyelidik pelapis negara yang cemerlang pada masa hadapan.

Malaysia memiliki tanah bencah di sepanjang persisiran pantai. Ia ekosistem unik menjadi perantara kawasan daratan dan lautan. Tanah bencah ini menjalankan pelbagai perkhidmatan alam sekitar, meliputi penebat banjir dan benteng kepada hakisan ombak atau tsunami.

Tumbuhan gelam

Di Pantai Barat, ekosistem ini dihuni oleh paya bakau kerana habitatnya berasal daripada dataran lumpur. Berlainan pula dengan di Pantai Timur, tanah bencah ini dihuni oleh tumbuhan gelam kerana terbentuk

daripada beting pasir.

Oleh kerana tanah bencah di Pantai Timur terbentuk daripada beberapa siri jaluran permatang pasir yang juga dikenali tanah bris, ia dianggap sebagai 'tanah tidak berguna untuk pertanian'.

Sebahagian besar daripada tanah bencah gelam sudah diteroka untuk kawasan penempatan dan perbandaran. Akhir-akhir ini pula, sebahagiannya dibangunkan untuk ladang sawit. Sebenarnya, tanah bencah gelam sedang menuju kepupusan jika tiada dasar pemuliharaan yang mampu mempertahankannya.

Tanah bencah Setiu adalah benteng terakhir untuk mempertahankan kewujudan habitat gelam di Pantai Timur Semenanjung. Itupun sebahagian daripadanya telah diterokai untuk ladang sawit dan ternakan udang.

Terima kasih kerana keperihatinan kerajaan Terengganu menjadikan sebahagian kecil daripada tanah bencah Setiu sebagai Taman Negeri.

Kami berharap ia bakal menjadi permulaan kepada usaha memulihara dan mewarisi tanah bencah gelam yang sangat istimewa untuk generasi akan datang.

Ekspedisi saintifik Tasik Berombak dan penemuan habitat unik yang mengandungi kepelbagaian biologi tinggi ini bakal memberikan nafas baharu dalam gagasan pemuliharaan warisan. Ia bukan sahaja peninggalan sejarah dan warisan alam, tetapi bakal menjadi daya tarikan utama pelancong untuk berkunjung ke tanah bencah Setiu pada masa hadapan.



Penulis

ialah ialah Prof Emeritus dan adalah Ketua Kluster, Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara



Pelajar UMT menjalankan penyelidikan di Tasik Berombak.